

Air bukit banjiri rumah

■ **Penduduk
Jalan Tuan
Guru Haji
Ahmad
kecewa
longkang
15 tahun tidak
diselenggara**

Oleh **Nor Shafinaz Sari**
am@mediaprima.com.my
Melaka

Penduduk Jalan Tuan Guru Haji Ahmad, Kampung Paya Rumpit di sini, melahirkan rasa kecewa apabila permohonan membesarkan longkang di kampung itu masih tidak mendapat reaksi daripada pihak berkaitan sehingga kini.

Mereka mendakwa, keadaan itu menyebabkan rumah mereka kerap dimasuki air yang datang dari arah bukit bertentangan dengan kediaman mereka.

Maimon Haron, 69, berkata, longkang sedia ada yang tidak diselenggara sejak 15 tahun lalu kini sudah terimbui dan tidak dapat menampung air.

“Longkang yang ada di sini



MAIMON

semuanya sudah tidak serupa longkang dan bagaimana ia mampu menampung air. Pihak berkenaan sepatutnya menyelenggara longkang ini supaya tidak mendatangkan masalah kepada kami.

“Air dari atas bukit semua turun dan apabila longkang ini tidak berfungsi, air berkenaan memasuki kawasan rumah kami. Bukan sekali, tetapi sudah banyak kali sehingga penduduk terpaksa meninggikan sedikit tembok rumah, namun air tetap masuk,” katanya kepada Metroplus.

Menurutnya, dia dan penduduk lain sudah beberapa kali membuat aduan permohonan longkang berkenaan dibina dengan sempurna, namun masih tiada tindakan diambil.



AHMAD

“Saya pelik kenapa tempat lain apabila permohonan dibuat, sekejap saja boleh dapat. Kami perlu menunggu sehingga lima tahun dan masih tiada tindakan dilakukan.

“Sampai bila kami perlu menghadapi masalah ini. Saya penat kerana terpaksa membersihkan rumah setiap kali air masuk dan kadang-kadang ia turut berbau busuk,” katanya.

Bagi Ahmad Abdullah, 74, keadaan berkenaan bertambah teruk sejak banyak rumah didirikan di kawasan bukit terbabit.

“Masalah ini sudah lama dan kami cuma mahu pihak berkenaan membesarkan sedikit longkang supaya air yang turun dapat mengalir serta ia tidak memasuki rumah kami,” katanya.